

Berita Harian

Berita Minggu

Tarikh: 8/2/2011

Hari: SELASA M/S: 8

Ruangan: KELUARAN ICHAS

Tokoh akademik sokong pelajar diploma dibenar tentukan kursus

CUTI semester pelajar yang mengikuti program pengajian peringkat diploma perlu dipendekkan serta memberi peluang kepada mereka untuk menentukan kursus pengajian sendiri antara cadangan dikemukakan tokoh akademik bagi memperkasakan pengajian peringkat diploma.

Tokoh Akademik, Tan Sri Abdul Rahman Arshad, berkata beliau yakin sekiranya pengajian peringkat diploma diperkasakan ia akan melahirkan lebih ramai graduan berkualiti dan berkemahiran.

"Ini adalah langkah yang baik, kita tidak lagi hanya bertumpu kepada usaha melahirkan mahasiswa peringkat ijazah yang semata-mata 'kebukuan', sebaliknya menjelmakan graduan berkemahiran pada peringkat diploma lagi.

"Malah, pelajar diploma ini sekiranya mereka memiliki kemahiran tinggi, tidak perlu melanjutkan pengajian peringkat ijazah, sebaliknya boleh membuka perniagaan sendiri, cuma program pengajian ditawarkan hendaklah mengikut minat mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, bahawa Kementerian Pengajian Tinggi dalam usaha mengurus perdanakan program pengajian diploma di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) seluruh negara dalam usaha melahirkan modal insan berkualiti.

Bagi Naib Canselor Universiti Utara Malaysia, Prof Dr Mohamed Mustafa Is-hak, menyifatkan usaha berkenaan adalah satu keputusan bijak dan dapat mengatasi kekurangan pelajar dalam bidang kritikal.

"Sebelum ini tidak ramai yang ingin melanjutkan pengajian peringkat diploma dan juga tidak semua pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mahu melanjutkan pengajian ke Tingkatan Enam.

"Memperkasakan penga-

jian peringkat diploma membolehkan universiti mempunyai ramai calon berkebolehan di peringkat ijazah selain menjadi pilihan terbaik kepada pelajar daripada hanya tertumpu kepada program matrikulasi yang tidak ada sijil khusus," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Kolej Poly-Tech Mara (KPTM), Datuk Sohaimi Shahadan, berkata selaras usaha memendekkan tempoh pengajian peringkat diploma kerajaan juga perlu mencari mekanisme bagi mengurangkan bayaran yuran kepada pelajar diploma.

Katanya, beliau yakin usaha kerajaan itu mampu menarik minat lebih ramai lepasan SPM menyambung pengajian mereka sekiranya program peringkat diploma memenuhi pasaran kerja semasa.



“Kita tidak lagi hanya bertumpu kepada usaha melahirkan mahasiswa peringkat ijazah yang semata-mata 'kebukuan', sebaliknya menjelmakan graduan berkemahiran pada peringkat diploma lagi”

Abdul Rahman Arshad
Tokoh Akademik